

MEDIA DAN KONSTRUK SOSIAL : IMPLIKASI TERHADAP ISU SOSIAL REMAJA

Samsudin A Rahim

Pengenalan

Kegawatan moral atau *moral panic* wujud dalam masyarakat Malaysia hari ini dengan pendedahan isu dan masalah sosial berkaitan dengan remaja. Menurut Cohen (1987), gawat moral adalah satu keadaan dan episod yang muncul dan dianggap sebagai mengancam nilai dan kepentingan masyarakat. Gawat sosial ini seringkali dikaitkan dengan budaya remaja yang kerap kali dianggap sebagai devian. Media dikatakan memainkan peranan dalam menimbulkan kegawatan moral dengan menonjolkan perkara devian dan juga membesarkan kemungkinan kesannya.

Dengan pertumbuhan ekonomi melebihi 8.4 peratus sejak lapan tahun yang lalu, penduduk Malaysia seharusnya mengalami kualiti hidup yang baik. Namun begitu, kesan sampingan yang tidak dijangka hasil daripada arus pembangunan yang pesat telah sedikit sebanyak menjejaskan kualiti hidup. Dalam ucapan menyambut tahun baru 1995, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mengingatkan rakyat Malaysia tentang kepentingan membenters gejala sosial seperti lepak, bohsia, penyalahgunaan dadah terutamanya di kalangan remaja.

Pendedahan demi pendedahan tentang masalah remaja dengan sendirinya telah menjadikannya sebagai satu agenda penting negara untuk diselesaikan. Bermula dengan isu budaya lepak di kalangan remaja pada tahun 1993, timbul pelbagai isu seperti gadis bohsia, buang bayi, budaya punk dan sebagainya. Isu ini adalah tambahan kepada isu yang sedia ada seperti penagihan dadah dan kes HIV di kalangan remaja. Isu-isu remaja ini bukanlah sesuatu yang asing. Sebenarnya ia mempunyai rangkaian kaitan antara satu sama lain. Kajian tingkah laku lepak di kalangan remaja (Samsudin, 1994) menunjukkan remaja lepak terbabit dengan penyalahgunaan dadah, menonton dan membaca bahan lucah, melakukan hubungan seks tanpa nikah, minum minuman keras dan sebagainya.

Ada pendapat mengatakan bahawa jumlah remaja yang terbabit dengan isu sosial ini adalah kecil bilangannya. Justeru itu, kita tidak perlu gawat kerana ia lebih merupakan satu tahap yang dilalui dalam alam keremajaan. Namun begitu kerajaan menganggap isu sosial remaja adalah serius kerana remaja adalah aset penting negara yang akan menentukan kesinambungan kepimpinan dan kesejahteraan kualiti hidup negara ini.

Satu peruntukan sejumlah RM 160 juta telah diperuntukkan untuk projek Rakan Muda bagi menangani isu remaja ini. Jumlah tersebut adalah sebahagian daripada jumlah sebanyak RM 2.7 billion yang diperuntukkan kepada pembangunan golongan muda dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh.

Dalam usaha menangani isu sosial remaja ini banyak usaha telah dicadang dan dilaksanakan. Usaha terakhir adalah mengambil tindakan ke atas pengusaha pusat hiburan dengan menetapkan waktu perniagaan sehingga jam satu malam. Begitu juga ada pihak yang cuba menyalahkan institusi sekolah, keluarga, dan juga individu itu sendiri. Tidak kurang pula yang menyalahkan media yang sering memaparkan gaya hidup barat yang bertentangan dengan nilai hidup tradisi kita.

Siapa dia remaja?

Di negara barat, golongan muda telah kerap kali menjadi subjek kajian sejak 40 tahun yang lalu. Tema utama kajian tersebut adalah tentang ciri-ciri masalah alam keremajaan dan juga masalah yang berkaitan dengan persediaan menjadi orang dewasa. Walau bagaimanapun kebanyakan kajian ini melihat remaja dari dimensi kategori umurnya. Wyn dan White (1997) menyatakan bukan hubungan antara umur yang mewujudkan perubahan atau kestabilan dalam masyarakat, tetapi perubahan dalam masyarakatlah yang dapat menghuraikan hubungan antara umur ini.

Selaras dengan pandangan sedemikian, kita perlu melihat isu sosial remaja ini bukan semata-mata kerana tahap umurnya yang kerap kali dianggap oleh ahli psikologi

sebagai zaman yang penuh dengan pancaroba. Pada tahap umur ini remaja dikatakan mencari identiti diri dan tingkah laku normatifnya. Jika faktor umur menjadi penyebab utama kepada isu remaja kenapakah tidak seluruh kelompok remaja terbabit dengan isu sosial? Jika kita menganalisis profile remaja bermasalah mungkin akan muncul ciri-ciri khusus tentang remaja berkenaan yang mengaitkannya dengan isu sosial tersebut.

Remaja harus juga dilihat sebagai satu proses sosial yang membabitkan institusi keluarga, persekolahan, pekerjaan, dan tidak kurang penting adalah media. Perlakuan remaja bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek objektif institusi sosialisasinya, tetapi juga oleh aspek subjektif bagaimana ia mentafsirkan keadaan sekelilingnya. Penekanan kepada kategori umur sebagai ciri utama remaja dengan sendirinya mengabaikan aspek-aspek perbezaan, proses, dan perubahan.

Dengan itu bagaimana kita mengkonsepsikan remaja haruslah berdasarkanimbangan di antara memberi penekanan kepada kepentingan aspek perubahan fizikal dan psikologi remaja. Dalam masa yang sama, kita tidak menafikan hidup remaja itu turut diwarnai oleh institusi sosial and tafsiran subjektif remaja terhadap perkara tersebut. Menurut Wyn dan White (1997), penekanan kepada umur dengan secara tidak langsung mengeneipkan peranan signifikan institusi sosial dan perubahan dalam aspek ekonomi dan politik serta kesannya kepada remaja.

Remaja hari ini lebih dikenali dari segi gaya hidupnya. Perkara ini sebenarnya telah bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1960-an di mana gaya hidup remaja berpusat kepada fenomena baru seperti rentak muzik, gaya tarian, dan juga fesyen remaja. Menurut Fornas dan Bolin (1995), idea tentang nilai baru dan gaya hidup baru adalah perkara utama dalam kehidupan remaja terutamanya dalam masyarakat pasca moden. Gaya hidup ini jika diamati lebih tertumpu kepada orientasi hiburan atau *entertainment orientation*. Menurut Foenis dan Bolin lagi, *'Interest in pleasure is stronger for the majority of youth than interest in more serious activities, and pleasure is more important for youth than it is for adults. This orientation unites youth: it exists almost independent of socio-economic background'*.

Proses pemodenan juga dikaitkan dengan proses pemediaan (*mediazation*) disamping proses penindustrian, urbanisasi dan pensekularan (Forna dan Bolin, 1995). Ketembusan media dalam persekitaran remaja secara langsung dan tidak langsung membantu dalam pembentukan konstruk sosial remaja termasuklah melalui isi kandungan media yang berorientasikan hiburan. Seperti yang dinyatakan identiti remaja dalam konteks hari ini banyak tertumpu kepada gaya hidup. Media dalam konteks ini membantu remaja untuk membentuk konstruk tentang apakah gaya hidup yang sesuai dan diterima sebagai semasa. Samsudin (1994) menunjukkan majoriti remaja memilih ruangan atau program berbentuk hiburan apabila mereka mendedahkan diri kepada media (55% untuk TV, 70% untuk radio, 57 % untuk akhbar, dan 56 % untuk majalah).

Kajian tentang remaja lazimnya tertumpu kepada permasalahan remaja dalam alam usia mudanya. Remaja seringkali dipisahkan sebagai remaja normal dan remaja bermasalah. Hakikatnya itulah pengkategorian yang dilakukan oleh orang dewasa terhadap remaja. Remaja yang dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan menerima norma sosial yang sedia ada dianggap normal. Sebaliknya remaja yang sukar menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan mencabar sesetengah nilai sosial dianggap bertindak devian.

Kita perlu melihat tindakan devian ini sebagai interaksi aspek struktur, persekitaran, dan individu. Misalnya, remaja yang ponteng sekolah atau mengambil dadah kerana ingin mengatasi tekanan dan kemurungan berbuat demikian bukan semata-mata kerana dorongan persekitaran. Sebaliknya, remaja tersebut mungkin tidak memperoleh kemahiran tertentu untuk menghadapi persekitaran tersebut. Akibatnya ia mudah tertekan dan dalam keadaan murung menjadikan dadah sebagai alternatif untuk keluar daripada keadaan sedmikian. Dalam konteks ini, kita boleh menganggap bahawa remaja berkenaan tidak dibekalkan dengan kemahiran sosial untuk menghadapi dunia sekelilingnya yang semakin mencabar. Ketidak sediaannya menghadapi cabaran sekeliling membuat mereka tertekan dan menjadikan dadah sebagai jalan keluar.

Tingkah laku remaja juga menunjukkan satu paradox. Walaupun remaja ada kalanya menyedari tentang sesuatu akibat yang serius daripada tindakannya, namun mereka terus lakukan tindakan tersebut. Jurang 'pengetahuan-tindakan' ini wujud kerana remaja dikatakan suka mengambil risiko walaupun tindakan itu diketahui salah. Tindakan suka mengambil risiko ini ada kaitannya dengan tindakan negatif, tidak sosial, dan bertentangan dengan kehendak masyarakat. Tindakan remaja ini mungkin boleh terkawal jika kawalan sosial yang sesuai diwujudkan untuk mencegah pemilihan yang kurang bijak itu.

Ketembusan dan Orientasi Media

Industri komunikasi di Malaysia telah berkembang dengan pesat terutama sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Boleh dikatakan sejak awal tahun 1980-an kerajaan telah mengamalkan dasar liberal terhadap perkembangan media dengan hasrat untuk memaklumkan masyarakat atau mewujudkan masyarakat yang bermaklumat. Pada ketika itu muncul sebilangan akhbar-akhbar tabloid yang lebih mengutamakan berita-berita ringan dan sensasi. Begitu juga pada tahun 1983, sebuah stesen televisyen swasta pertama (TV3) telah ditubuhkan.

Walaupun ada yang menyatakan penubuhan TV3 adalah sebagai satu usaha menarik penonton menonton televisyen yang ketika ia lebih mengemari menonton pita video, industri pita video tetap berkembang dengan pesat. Menurut Menteri Penerangan Dato Mohammed Rahmat (1994) industri video telah berkembang dengan pesat sehingga nilai sewa pita video mencapai angka RM246 juta. Menurut beliau membiarkan industri video berkembang bermakna mendedahkan masyarakat Malaysia kepada program yang mungkin mengandungi unsur ganas, tahyol dan seks tanpa penapisan.

Perkembangan media elektronik menjadi semakin rancak sejak tahun 1995. Pada Julai 1995, satu lagi stesen televisyen swasta iaitu Metro Vision ditubuhkan. Ini diikuti oleh pelancaran Mega TV pada Nobember 1995, iaitu sebuah stesen televisyen berbayar. Pada Oktober 1996, televisyen satelit pertama ASTRO memulakan siaran percubaannya dengan menawarkan sebanyak 22 saluran televisyen dan 8 saluran radio. Satu lagi stesen

televisyen swasta *National Television* (NTV) dijangka dilancarkan pada akhir tahun 1997 ini.

Industri radio juga berkembang dengan pesat. Sebelum tahun 1993 stesen radio adalah dikendalikan oleh kerajaan melalui Radio Malaysia. Sekarang ini terdapat 21 buah stesen radio termasuk stesen rangkaian nasional dan stesen daerah yang masih dikendalikan oleh kerajaan dan beberapa stesen swasta yang mulai diizinkan penubuhannya seperti Time Highway Radio (1993), Suara Johor Best 104 (1994), Radio Kenyalang (1996), Hitz FM92.9 (1997) dan Mix FM94.5 (1997).

Industri musik juga berkembang pesat dan telah menjangkau nilai RM500 setahun. Menurut Menteri Penerangan Dato Mohammed Rahmat (NST, 1997), kerajaan akan mengumumkan dasar untuk meminta stesen memberikan keutamaan kepada musik tempatan.

Satu kajian tentang ketembusan media di kalangan remaja Lembah Kelang (Samsudin, 1997) mendapati lebih daripada 98 peratus remaja mempunyai persekitaran media dari segi akhbar, radio, dan televisyen. Setakat ini hanya 11 peratus remaja sahaja mengatakan mereka mempunyai persekitaran media stesen televisyen berbayar sama ada Mega TV atau Astro. Sejumlah 36 peratus menyatakan mereka mempunyai persekitaran komputer peribadi di rumah. Begitu juga sejumlah 83 peratus remaja menyatakan terdapat kedai menyewa video dan sejumlah 66 peratus menyatakan terdapat arked permainan video di sekitar tempat tinggal mereka.

Dari segi penggunaan media pula, purata remaja mengguna masa menonton televisyen adalah selama 14.6 jam seminggu dan mendengar radio selama 16.3 jam seminggu. Dari segi penggunaan media cetak, purata remaja membaca akhbar selama 7.1 jam seminggu dan membaca buku cerita atau komik selama 4.7 jam seminggu. Remaja juga menyatakan mereka menghabiskan selama 3.4 jam menonton video seminggu. Dari segi penggunaan komputer peribadi, remaja menggunakan masa selama 4.1 jam seminggu.

Tentang orientasi media iaitu tumpuan kepada jenis program, remaja lebih tertumpu kepada program bercorak hiburan dan aksi apabila menonton televisyen atau filem. Remaja juga lebih tertumpu kepada berita hiburan, sukan dan kemalangan apabila membaca akhbar atau majalah. Kajian ini juga melihat pengawasan ibu bapa terhadap penggunaan media di kalangan remaja. Secara umum didapati ibu bapa jarang meletakkan peraturan, mencadang atau berbincang tentang program atau berita yang boleh ditonton atau dibaca oleh anak-anak remaja mereka. Jika dilihat tentang pengaruh rakan sebaya, didapati remaja sering berbincang, mencadang dan bersama ketika menonton atau membaca bahan-bahan media.

Kajian di kalangan remaja yang melepak oleh Kementerian Belia dan Sukan (Samsudin, 1994) mendapati apabila menonton televisyen remaja lebih suka program hiburan (55 peratus), sukan (46 peratus) dan agama (32 peratus). Apabila membaca akhbar remaja memilih berita kemalangan (58 peratus), berita hiburan (57 peratus) dan sukan (51 peratus). Begitu juga apabila membaca majalah remaja memberikan tumpuan kepada berita hiburan (56 peratus), komik (37 peratus) dan cerpen atau novel (35 peratus).

Tentang jenis media yang dibaca, akhbar utama adalah akhbar berbahasa Melayu seperti *Berita Harian dan Utusan Malaysia*. Tentang majalah pula, *URTV, Gila-Gila* dan *Remaja* menjadi pilihan utama berbanding dengan majalah seperti *Dewan Siswa* dan *Dewan Masyarakat*.

Remaja sering kali dikaitkan dengan orientasi media bercorak hiburan dan kesukanan. Tidak kurang juga yang ingin menyalurkan didikan agama kepada remaja. Samsudin (1994) mendapati bahawa remaja yang menganggap dirinya berprestasi lemah adalah mereka yang kurang memberikan perhatian kepada orientasi agama, dan sukan. Sebaliknya mereka lebih cenderung kepada orientasi hiburan. Sejumlah 57 peratus remaja yang menganggap diri mereka berprestasi cemerlang memberikan perhatian kepada orientasi sukan dalam media cetak berbanding dengan hanya 2 peratus sahaja

remaja yang menganggap dirinya berprestasi lemah. Begitu juga dengan orientasi agama, sejumlah 40 peratus remaja berprestasi cemerlang memberikan tumpuan berbanding dengan 16 peratus remaja yang berprestasi lemah.

Penemuan ini menunjukkan bahawa ada kalanya saranan maklumat tidak kesampaian. Remaja yang bermasalah seperti melepak kebanyakan terdiri daripada remaja berprestasi lemah dan kurang harga diri. Tetapi remaja yang sedemikian tidak banyak memberikan perhatian kepada rancangan keagamaan. Sebaliknya lebih tertumpu kepada orientasi hiburan dari segi penggunaan medianya.

Urbanisasi, Pemediaan dan Konstruk Sosial

Pemodenan menghubungkan kaitkan pelbagai proses di antaranya termasuklah industrialisasi, pemediaan, dan pemediaan. Melalui proses pemodenan, masyarakat akan mengalami perubahan dari segi struktur sosial dan kelak memberi kesan kepada perubahan dalam keadaan hidup seharian dan juga gaya hidupnya. Gaya hidup dianggap sebagai satu klasifikasi sosial yang penting berbanding dengan klasifikasi kelas sosial pada suatu ketika dahulu.

Menurut Bourdieu (dalam Fornas dan Bolin, 1995), gaya hidup adalah seperti ruang sosial di mana ia diasas berdasarkan jarak dan kedekatan (*distance and closeness*). Individu yang menjalani pengalaman bersama dalam satu jangka masa tertentu akan secara sukarela menerima dan berkongsi apa yang dilakukannya sebagai satu pola gaya hidup mereka.

Dalam zaman moden ini, pengetahuan dan pengalaman itu diperolehi melalui interaksi seharian dengan manusia lain dalam pelbagai arena termasuklah di rumah, di kalangan rakan, tempat kerja, sekolah, dan arena hiburan seperti pusat hiburan dan membeli belah.

Jika kita kaitkan pemodenan dan perindustrian di negara kita, laporan Rancangan Malaysia Ke Tujuh menunjukkan bahawa golongan muda yang berkerja di sektor pembuatan telah meningkat daripada 32.8 peratus pada tahun 1990 kepada 37.9 pada tahun 1995. Di sektor pertanian peratus golongan muda yang berkerja telah berkurangan

daripada 19.3 pada tahun 1990 kepada 13.1 peratus pada tahun 1995. Satu aspek penting daripada fenomena ini adalah penghijaran golongan muda daripada luar bandar ke bandar. Ini jelas dengan peratusan golongan remaja yang berkerja di bandar meningkat daripada 33.6 peratus dalam tahun 1990 kepada 56.5 peratus pada tahun 1995.

Migrasi ke bandar mungkin membawa beberapa implikasi gaya hidup kepada golongan muda terutamanya remaja. Mereka mula bebas daripada pengawasan ibu bapa dengan tinggal di rumah sewa bersama rakan sebaya. Ruang sosial di bandar akan mula menghimpit mereka dengan nilai dan gaya hidup baru menjanjikan gaya hidup kontemporari dan canggih. Kawalan sosial yang agak longgar di kawasan bandar sedikit sebanyak memudahkan proses asimilasi gaya hidup baru itu. Misalnya kalau di kampung dituntut berada di rumah pada hujung minggu untuk membantu keluarga, di bandar pula nilai baru menuntut individu remaja mengisi masa lapangannya berhibur dengan teman-temannya di pusat membeli belah dan tempat awam yang lain.

Dalam proses pemediaan ini juga kita akan dapati budaya popular sedikit demi sedikit menghakis budaya tradisional. Seperti yang dinyatakan di atas, persekitaran media di kalangan remaja semakin meluas dan begitu juga penggunaan mediannya. Masa lapang remaja banyak dihabiskan dengan penggunaan media. .

Media sering kali dikaitkan dengan industri budaya popular. Program televisyen daripada Amerika Syarikat dianggap sebagai penyalur industri budaya terbesar di dunia. Banyak negara membangun yang kritikal terhadap kemungkinan pengaruh industri budaya barat ini. Di Malaysia, kita sudah pun mempunyai satu ketetapan bahawa dalam tahun 2000 sejumlah 80 peratus rancangan televisyen mestilah dalam Bahasa Melayu. Namun begitu, rancangan dalam bahasa tempatan tidak menjamin bahawa budaya popular yang berasaskan masyarakat pasca moden barat ini tidak tersebar di kalangan remaja di negara ini. Yang membimbangkan adalah kemungkinan program tempatan dengan secara tidak langsung memperhebatkan asimilasi nilai budaya luar dengan penonjolan nilai dan budaya itu dalam konteks kehidupan tempatan.

Media memberikan konstruk sosial kepada remaja. Dengan lain perkataan, media memberikan cermin diri kepada remaja tentang gaya hidup yang harus dilalui dan diikuti. Ini disebabkan waktu lapang remaja lebih tertumpu kepada media. Secara bersendirian di rumah, remaja mungkin membaca akhbar, mendengar radio, atau menonton televisyen. Di luar rumah mereka menonton wayang, bermain permainan video di arked, pergi ke disko atau pub dan sebagainya. Tidak boleh dinafikan bahawa remaja adalah golongan yang lebih terdedah dan terpengaruh dengan media berbanding dengan golongan lain.

Seperti yang dinyatakan di atas, pengaruh gaya hidup remaja diasaskan oleh jarak dan kedekatan. Portrayal watak-watak remaja dalam program dan berita media tempatan memenuhi ciri-ciri ini untuk memudahkan pengaruh terhadap remaja. Gaya hidup dari segi pakaian, fesyen rambut, dan pertuturan dalam media banyak mempengaruhi remaja. Remaja sentiasa mencari isyarat media untuk menentukan corak gaya hidup yang kontemporari. Apa yang terkini selalunya dipaparkan oleh media. Samsudin (1995) dalam satu kajian *Muzik dan Remaja*, mendapati remaja mengakui penyanyi pujaan mereka sedikit sebanyak mempengaruhi mereka dari segi pakaian, rambut, kelakuan, pergaulan dan pertuturan. Remaja di Amerika Syarikat pula menganggap Madonna sebagai *agent of empowerment dan liberation for women* (Lull, 1992). Sementara golongan dewasa menganggap penyanyi tersebut hanya memperagakan tubuh seksinya dan gimik kelakukannya untuk menjadi popular.

Tidak dapat kita nafikan bahawa media adalah satu unsur yang penting dalam proses sosialisasi remaja. Sebahagian besar daripada waktu rehat remaja dihabiskan dengan penggunaan media. Media yang dianggap sebagai agen yang menerajui budaya popular sering kali berlumba-lumba untuk mendapatkan perhatian orang ramai terutama golongan muda. Kerap kali apa yang disajikan untuk remaja lebih tertumpu kepada apa yang menarik dan dikehendaki oleh remaja. Dalam konteks ini akan tertinggal nilai-nilai berita atau program yang boleh membentuk jati diri remaja.

Jika kita perhatikan program drama tempatan di televisyen lebih mementingkan unsur hiburan. Unsur pendidikan yang tergabung dalam unsur hiburan atau *edutainment*

amat kurang sekali. Atas dasar itu beberapa pembicara sosial sejak kebelakangan ini mulai mmpersoalkan kemanakah arah drama-drama tempatan ingin membawa penonton. Tidak dinafikan juga banyak drama-drama yang mempunyai latar belakang sekolah dan universiti, tetapi latar itu hanya menjadi perhiasannya sahaja bukan kegigihan dan kepentingan institusi tersebut dalam hidup remaja.

Konstruk sosial dan peranan media

Isu sosial di kalangan remaja boleh kita lihat dari tiga perspektif:

- Masalah jurang pengetahuan
- Masalah kurang pengawasan ibu bapa/penjaga
- Masalah konstruk sosial dalam proses sosialisasi

Adakah masalah sosial di kalangan remaja sebagai satu masalah jurang pengetahuan? Banyak cadangan diberi untuk memberikan didikan agama yang lebih, tanggungjawab kepada diri dan keluarga, kemahiran tentang sesuatu perkara dan sebagainya. Walaupun banyak kempen maklumat untuk menyedarkan mereka tentang bahaya HIV dan dadah, kita lihat angka penagih dan pembawa HIV semakin bertambah. Adakah pertambahan ini bermaksud mereka tidak punyai pengetahuan yang cukup tentang bahaya penagihan dan virus berkenaan?

Begitu juga kita ingin bertanya adalah masalah sosial remaja dikaitkan dengan pengawasan yang kurang daripada ibu bapa. Persekitaran telah berubah di mana kita tidak boleh lagi mengharap ibu-ibu tinggal di rumah dan meggasuh anak-anak mereka. Tidak dapat dinafikan pengawasan ibu bapa yang lemah tidak dapat membantu perkembangan diri anak-anak mereka dari segi emosi dan sokongan dalam membuat keputusan dalam hidup mereka. Keputusan untuk mengawas anak remaja lebih merupakan keputusan individu yang mana ibu bapa terpaksa menentukannya.

Apa yang ingin dibincangkan di sini adalah peranan media. Media dikatakan menjadi unsur penting dalam proses sosialisasi remaja. Media juga dikatakan membantu mempengaruhi konstruk sosial terutama sekali tentang nilai dan gaya hidup. Adalah

mudah untuk kita menyalahkan media dalam kemelut isu sosial remaja ini. Sebagai sebuah entiti komersial, media sudah tentu menjadikan untung rugi sebagai asas perkiraannya. Namun begitu media juga mempunyai tanggungjawab sosialnya dalam isu remaja ini.

Kajian tentang kesan media adalah masih lagi belum mecapai kata sepakat. Ini disebabkan ukuran kesan adalah pelbagai. Namun begitu tidak dapat dinafikan media dapat membantu perkembangan intelektual dan pembangunan sosial individu kanak-kanak, remaja, dan juga orang dewasa. Kajian tentang program televisyen berbentuk prososial di Brazil dan India menunjukkan sikap, nilai dan tingkah laku terutama suri rumah boleh diubah (Agrawal, 1993). Begitu juga kajian terhadap kanak-kanak menunjukkan bagaimana rancangan televisyen seperti *Mister Rogers' Neighbourhood* membantu meningkatkan kerjasama, menyuarakan pendapat, melaksanakan tugas dan meningkatkan imaginasi mereka. Begitu juga tentang remaja yang menonton *Cosby Kids* yang direka untuk membantu mereka menghadapi isu rumit seperti identiti gender, perceraian dan ketagihan arah (MacBeth, 1996).

Mulai sekarang kita perlu mencari jalan bagaimana hendak menggunakan media secara positif untuk membentuk satu citra jati diri remaja yang dikehendaki oleh negara Malaysia. Apakah citra remaja yang kita perlukan menjelang ambang alif ke 21? Begitu juga apakah citra remaja yang kita perlukan dalam menghadapi cabaran menjadi negara maju pada tahun 2020?

Selama ini kita banyak membincangkan pengaruh negatif media sama ada sengaja atau tidak sengaja terhadap remaja. Apa yang diperlukan sekarang bukan lagi cuba meramalkan kesan jangka panjang pengaruh media itu. Kita perlu bertindak mengembelingkan tenaga media untuk membentuk satu citra jati diri remaja yang menjadi matlamat negara. Kita perlu menggunakan strategi *backcasting* untuk mewujudkan program dan berita media secara terancang dan bersepadu menangani isu remaja.

Seperti yang dinyatakan di atas di negara barat beberapa rancangan televisyen seperti *Sesame Street* dan *Cosby Kids* direka khusus untuk menangani isu-isu yang sedang dihadapi oleh kanak-kanak dan remaja. Program sedemikian membantu membentuk konstruk sosial remaja kerana sekurang-kurangnya ia akan memberikan *modeling effects* yang positif. Sebaliknya program seperti *Mighty Morphin Power Rangers* didapati memberikan *modeling effects* yang negatif. Di Kanada program tersebut didapati mencabuli kod piawai penyiarannya dan saluran khusus untuk remaja Youth Televisyen (YTV) telah membatalkan program tersebut daripada disiarkan.

Kita boleh memulakan strategi bersepadu untuk membentuk citra remaja melalui pelbagai media. Perlu diingat remaja tidak akan memberikan banyak tumpuan kepada program atau berita yang terlalu bersifat maklumat atau *informational*. Strategi untuk remaja perlulah bersifat *infotainment* dan *edutainment* di mana unsur maklumat digabungkan dengan unsur-unsur hiburan dan pendidikan. Kita tidak lagi boleh menerima program televisyen dan radio atau berita akhbar dan majalah, jenaka dalam komik yang semata-mata mementingkan nilai hiburan tanpa mempunyai tanggungjawab sosial untuk membentuk citra diri remaja.

Remaja kita sekarang ini kurang mempunyai role model untuk membantu meningkatkan harga diri mereka. Bolehkah media membantu menonjolkan role model yang sesuai untuk membangunkan remaja menjadi daya sumber manusia menghadapi cabaran zaman sains dan teknologi ini? Bolehkah media membantu menonjol dan memupuk nilai kekeluargaan tradisional yang perlu kita hayati walaupun kita sudah menjadi negara maju nanti? Bolehkah media membantu menyemarakkan keyakinan positif kepada remaja terhadap masa depan mereka di negara ini tanpa syak wasangka tentang hak dan keselamatan mereka. Begitu juga bolehkan media membantu remaja menghadapi tekanan hidup seperti mengejar kecemerlangan, konflik nilai akibat proses pemodenan dan sebagainya dengan kemahiran tertentu untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Sudah tentu media boleh lakukan. Persoalannya sekarang bagaimanakah perkara-perkara tersebut perlu dilakukan. Ia perlukan satu sumbangsaran dengan daya kreatif, pembujukan, dan strategi terancang dan bersepadu. Tugas media sekarang perlu melibatkan perunding sains sosial dan bidang-bidang lain untuk mengupas, menganalisis, dan mencari rumusan penyelesaiannya.

Sementara kita membentuk citra remaja yang diperlukan untuk menghadapi cabaran globalisasi dan negara maju yang akan kita alami, usaha perlu dilakukan untuk mengurangkan unsur-unsur negatif dalam media sekarang ini. Penyebaran bahasa slanga dengan meluas melalui komik perlu diberikan perhatian. Personaliti yang telah didakwa terlibat dengan nilai dan moral negatif perlu diketepikan. Gaya hidup dari segi pakaian dan perilaku yang keterlaluan dan kurang sopan perlu diambil perhatian agar tidak menjadi cermin diri remaja.

Penutup

Sebagai agen sosialisasi media mengisi sebahagian besar daripada masa lapang dan rehat remaja. Media juga dianggap satu medium yang ada baik dan buruknya. Pengisian kita iaitu orang dewasa akan menentukan arah pengaruhnya kepada remaja. Hakikatnya kita iaitu orang dewasa yang menentukan dasar, perancangan, perisian berita dan program, penjadualan, matlamat yang ingin dicapai oleh media.

Adalah tidak begitu adil untuk menyalahkan remaja semata-mata terhadap isu sosial yang melanda mereka. Ini disebabkan apa juga 'realiti' yang mereka terima adalah konstruk sosial yang kita bina untuk mereka sama ada sebagai ketua keluarga atau sebagai tugas kita dalam media. Perilaku remaja adalah cermin konstruk sosial yang orang dewasa bina melalui kuasa yang ada pada orang dewasa di dalam perjalanan media.

Berdasarkan strategi *backcasting* marilah kita bekerjasama menentukan citra remaja yang kita ingini. Sama-sama kita bentuk jati diri remaja sepertimana acuan yang kita kehendaki. Media sepertimana dikatakan oleh Perdana Menteri baru baru ini juga

mempunyai kuasa. Bagaimana kita menggunakan kuasa tersebut akan banyak mempengaruhi masa depan remaja kita di masa depan.

Rujukan

Cohen, S. (1987). *Folk Devils and Moral Panics: The Creation of Mods and Rockers*. Oxford. Basil Blackwell.

Fornas, J. Dan Bolin, G. (1995). *Youth Culture in Late Modernity*. London. Sage Publications.

Lull, J. (1992). *Popular Music and Communication*. London. Sage Publications.

MacBeth, T (1996). *Tuning Into Young Viewers*. London. Sage Publications.

Samsudin A. Rahim (1994). *Tingkah Laku Lepak Di Kalangan Remaja*. Kuala Lumpur. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Samsudin A. Rahim (1996). *Remaja dan Muzik Popular*. Kertas kerja di Simposium Penyelidikan Komunikasi. Jabatan Komunikasi, UKM.

Samsudin A. Rahim. (1997). *Ketembusan Media Di Kalangan Remaja. Kajian Kes di Lembah Kelang*. International Center for Media Studies (dalam penulisan awal).

Wyn, J. Dan White, R. (1997). *Rethinking Youth*. London. Sage Publications.